

120

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB LIM LIP ENG**  
**KAWASAN : SEGAMBUT**  
**TARIKH HANTAR : 23 OKTOBER 2017**  
**KE URUSETIA**  
**NO. SOALAN : 49**

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta PERDANA MENTERI menyatakan kos dan berapa orang dalam rombongan melawat Presiden Donald Trump di White House dan pertemuan Perdana Menteri Britain, Theresa May di Downing Street pada September. Berapakah jumlah pelaburan asing yang dibawa masuk ke Malaysia hasil daripada lawatan itu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Ingin saya menyatakan di sini bahawa lawatan YAB Perdana Menteri ke Amerika Syarikat (AS) adalah merupakan satu Lawatan Kerja manakala lawatan singkat ke Britain adalah satu lawatan khas untuk bertemu dengan Perdana Menteri Britain. Kedua-dua lawatan ini tidak harus dikelirukan dengan Misi Perdagangan dan Pelaburan. Ini adalah kerana Misi Perdagangan

dan Pelaburan mempunyai objektif-objektif khusus untuk mengembangkan perdagangan, pelaburan dan mengadakan kerjasama ekonomi antara Malaysia dengan negara-negara yang dikunjungi; merapatkan perhubungan perniagaan dengan negara-negara yang dikunjungi; serta mempromosi barang atau perkhidmatan eksport dan import dua hala.

2. Walau bagaimanapun, perdagangan dan pelaburan merupakan salah satu agenda utama semasa Lawatan Kerja YAB Perdana Menteri ke AS kerana adalah penting bagi Malaysia untuk merapatkan hubungan ekonomi dua hala dengan AS yang merupakan kuasa ekonomi terbesar dunia. Selain itu, AS juga merupakan rakan dagang ketiga terbesar untuk Malaysia dengan jumlah dagangan mencecah RM136 bilion pada tahun lepas.
3. YAB Perdana Menteri juga mengambil peluang melalui Lawatan Kerja ini untuk meningkatkan profil dan persepsi positif terhadap Malaysia sebagai rakan dagang dan pelaburan dari kaca mata Pentadbiran AS, ahli-ahli Kongres AS dan pemimpin-pemimpin persatuan dan dewan perniagaan serta beberapa tokoh perniagaan AS terutamanya yang telah melabur di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Keputusan berkaitan pelaburan kebiasaan dilakukan setelah perbincangan diadakan pada beberapa peringkat. Justeru, adalah tidak munasabah untuk mengukur secara muktamad nilai pelaburan yang dibawa masuk hasil daripada Lawatan Kerja ke AS yang singkat.

5. Oleh yang demikian, adalah lebih wajar saya berkongsi mengenai jumlah pelaburan AS di Malaysia sehingga ke hari ini.
6. Syarikat-syarikat AS telah melabur sebanyak RM70 bilion dalam sektor pembuatan Malaysia. Malah mereka juga aktif dalam sektor-sektor lain seperti minyak dan gas, perbankan dan insuran, perkhidmatan serta elektrik dan elektronik. Kira-kira 200,000 rakyat Malaysia kini sedang bekerja di syarikat-syarikat AS yang beroperasi dalam negara kita.
7. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2017 sahaja, jumlah pelaburan AS yang telah diluluskan adalah sebanyak RM354.1 juta dalam industri elektrik dan elektronik, jentera dan kelengkapan, serta industri peralatan pengukuran dan saintifik. Projek-projek ini menawarkan lebih 1,500 peluang pekerjaan.
8. Firma-firma AS secara amnya mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap Malaysia sebagai destinasi pelaburan. Sebagai contoh, *2018 ASEAN Business Outlook Survey* yang diterbitkan pada 6 September 2017 antara lainnya menunjukkan sebanyak 63 peratus syarikat AS yang ditemubual menjangkakan pendapatan dari operasi mereka di Malaysia akan bertambah menjelang 2018 dan 57 peratus dari responden juga berhasrat untuk meluaskan operasi sedia ada mereka di Malaysia.

Tuan Yang Dipertua,

9. YAB Perdana Menteri telah melakukan lawatan yang amat singkat iaitu selama beberapa jam sahaja di London, Britain pada 14 September 2017, dalam perjalanan pulang ke Malaysia setelah selesai lawatan ke AS. Semasa lawatan singkat ini, YAB Perdana Menteri telah mengadakan pertemuan ringkas dengan Perdana Menteri Theresa May. Ini merupakan perjumpaan pertama kedua-dua pemimpin sejak Theresa May menjadi Perdana Menteri pada Julai 2016.
10. Semasa pertemuan tersebut , kedua-dua pemimpin telah membincangkan secara ringkas beberapa perkara termasuk:
  - i. peluang mengadakan kerjasama antara Malaysia dan Britain selepas BREXIT (iaitu pengunduran Britain dari Kesatuan Eropah);
  - ii. kedudukan perdagangan dan pelaburan dua hala;
  - iii. isu-isu pertahanan dan anti keganasan;
  - iv. isu kemanusian masyarakat Rohingya di Myanmar; dan
  - v. penganjuran mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di London pada tahun 2018.
11. Walau bagaimanapun, tiada perbincangan mendalam diadakan berhubung kerjasama perdagangan dan pelaburan dua hala.
12. Untuk makluman, pada tahun 2016, Britain merupakan rakan dagang Malaysia yang ke-17 terbesar secara global dan ketiga terbesar di kalangan negara anggota Kesatuan Eropah dengan jumlah dagangan sebanyak RM15.29 bilion.

13. Sehingga Jun 2017, sebanyak RM18.09 bilion nilai pelaburan dari Britain dalam sektor pembuatan telah diluluskan yang turut menawarkan 60,552 peluang pekerjaan. Antara sektor-sektor yang terlibat termasuk industri kimia dan produk berasaskan kimia, industri peralatan pengukuran dan saintifik serta industri pembuatan makanan.

Tuan Yang Dipertua,

14. Seperti mana yang kita maklum, antara faktor utama yang dipertimbangkan oleh syarikat-syarikat asing sebelum sebarang keputusan pelaburan dibuat adalah hubungan diplomatik yang baik di antara negara asal dan negara tuan rumah. Keyakinan tinggi pelabur-pelabur AS dan Britain terhadap kekuatan ekonomi Malaysia juga perlu dipelihara supaya lebih banyak peluang pekerjaan dapat disediakan untuk rakyat melalui perluasan operasi tempatan mereka.
15. Pertemuan di peringkat tertinggi di antara Malaysia dan AS serta Malaysia dan Britain semasa Lawatan Kerja YAB Perdana Menteri pada bulan September yang lalu jelas menunjukkan betapa pentingnya perhubungan perdagangan dan pelaburan Malaysia dengan AS dan Britain. Ia sudah pastinya akan dapat meningkatkan keyakinan pelabur-pelabur AS dan Britain untuk terus melabur di Malaysia dan usaha ini harus dipandang sebagai langkah strategik yang akan membawa faedah jangka panjang kepada Negara.